

03 Oct 2011 03:24pm


[UTAMA](#) | [ANALISA](#) | [KOLUMN](#) | [KALEIDOSKOP](#) | [PANDANGAN](#) | [EKSKLUSIF](#) | [KHAS](#) | [GALERI GAMBAR](#) | [CARI](#) | [中文版](#) | [RSS](#)

Utama > News > Pandangan

[Share](#) |

 Confirm
[Program Langganan Sukarela](#)
 Cetak
 Kongsi
 Saiz Teks:

AWER: IPP menang jika rundingan semula PPA tidak dimuktamadkan

S.Piarapakaran | Oct 03, 2011 01:23:35 pm

Pandangan

PPA generasi pertama akan berakhir di antara tahun 2015 hingga 2016. Ini memberikan ruangan masa empat hingga lima tahun untuk membina loji janakuasa baru jika perlu. Walau bagaimanapun, SENI MELAMBATKAN rundingan semula kepada selepas tahun 2011 hanya akan merugikan kerajaan, rakyat dan perniagaan.

Perdana Menteri telah berjanji untuk runding semula PPA untuk manfaat rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, kelewatan dalam rundingan semula hanya memberikan berita buruk dan mencabar Kerajaan Persekutuan dalam komitmennya untuk melindungi kepentingan rakyat.

Jika kita selidik isu Projek 2400 MW Hidro elektrik Bakun, apabila Kerajaan Negeri Sarawak tidak membenarkan tenaga elektrik untuk dibekalkan kepada Semenanjung Malaysia, kita terpaksa membuka "Bidaan Terbuka Dikompromi (*Compromised Open Bidding*)" untuk dua loji arang batu berkapasiti 1000 MegaWatt (MW) setiap satu. Pusingan pertama bidaan diberikan kepada TNB kerana bidaan terbaik. Loji kedua pula diberikan kepada Malakoff tanpa proses bidaan yang baru atas sebab tergesa-gesa untuk membina loji baru. Perbezaan kos bidaan adalah setengah billion Ringgit (RM500,000,000.00). Ini adalah disebabkan kita telah diletakkan pada situasi "kekurangan masa pembinaan".



Ini adalah apa yang diharapkan oleh IPP generasi pertama dalam proses rundingan semula ini. Maka, Kerajaan Persekutuan tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku atau terpaksa memikul tanggungjawab kegagalan dalam rundingan semula.

Titik kemenangan adalah apabila PPA tamat, IPP tidak akan memperoleh satu sen pun selepas tempoh perjanjian. Akan tetapi, perkara ini hanya sahih dan berguna sehingga akhir 2011. Maka, sebarang rundingan semula mesti diselesaikan menjelang 30 November 2011.

AWER ingin mencadangkan kerajaan melaksanakan pemotongan bayaran kapasiti IPP mulai tahun 2012. Bayaran kapasiti yang baru patut merangkumi kos operasi yang diaudit, laporan kejuruteraan dan keuntungan yang dikawalselia sahaja. Proses ini perlu dilaksanakan dengan telus. Jika Penjana Bebas bersetuju dengan cadangan ini, maka pelanjutan operasi boleh diberikan secara rejim pelesenan sahaja (TIADA LAGI PPA).

Jika Penjana Bebas enggan bersetuju dengan model ini, TAMATKAN PPA apabila tiba masanya. Tetapi, Kerajaan Persekutuan MESTI melaksanakan yang berikut:

Terkini

- AWER: IPP menang jika rundingan semula PPA tidak dimuktamadkan
- MCA menyusun langkahnya ke arah PRU ke-13
- Sivakumar: Selesaikan masalah tanah SJKT Gunung Rapat
- MCA: Hukum PAS dengan tidak mengundi DAP Nafi tuduhan Pakatan, Najib pertahan pilihan raya bersih dan adil
- MCA dicabar debat terbuka isu premium tanah
- Nasionalis atau Komunis?
- Nurul menyambut baik usaha peneroka FELDA menutut ganti rugi
- Hishamuddin Rais: Bawa kes kematian dalam tahanan ke antarabangsa
- Gerakan Politik Kiri di Kampung Jenderam

Antara yang terhangat

- 1Malaysia email: Tricubes Berhad dimiliki secara tidak langsung adik Najib
- Pembelian kapal selam: Bala dipanggil Polis Perancis
- Kraj PR Kedah mungkin terkubur
- "Perutnya lebih buncit": Anwar nafi dirinya watak dalam video seks
- Air mata berlinangan mendengar ceramah Mat Sabu
- Hishamuddin Rais: Simpatilah Melayu yang dibonsaikan mindanya
- "Tak pernah di zaman Mahathir": Kartunis ditekan jentera negara
- Kisah 709 seorang pendeta Buddha: Berjalan untuk mencari kedamaian
- Permatang Pasir: PR menang di semua saluran
- Apa salahnya China Press?

Galeri Gambar

Selanjutnya



709 Bersih 2

Merdeka Review BM Fans Club on Facebook


 You like
 Page - Ir
 Confirm
 You like
 Page - Ir

- (i) Membuka bidaan kompetitif (*competitive bidding*) mulai 1 December 2011 kerana kita mempunyai masa yang mencukupi untuk membina loji penjanaan tenaga yang baru;
- (ii) Penjana Bebas yang menolak cadangan potongan bayaran kapasiti tidak boleh dibenarkan (disenaraikan) untuk membuat bidaan untuk mana-mana projek penjanaan yang baru selepas ini;
- (iii) Senarai hitam ini juga patut dipanjangkan kepada pemegang-pemegang saham dan ahli-ahli lembaga pengarah daripada Penjana Bebas, anak syarikat serta syarikat induk Penjana Bebas Tersebut. Tiada pemengang saham dan ahli lembaga pengarah ini dibenarkan untuk terlibat dalam bidaan projek penjanaan baru melalui sebarang syarikat baru atau entiti tertentu.

Kerajaan Persekutuan mesti BERKERAS untuk melindungi kepentingan rakyat dan pembangunan negara.



Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) telah melaksanakan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dan penyelidikan mengenai industri elektrik negara. AWER telah menerbitkan sebuah laporan bertajuk "*Survival: The Future of Our National Electricity Industry*" dan memuatkan hasil kajian, cadangan dan jalan penyelesaian kami mengenai industri ini. Laporan ini telah dihantar kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Tenaga, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan semua ahli-ahli Parlimen pada Jun tahun ini. Salinan laporan ini juga boleh dimuat turun daripada laman web kami untuk rujukan semua (www.awer.org.my).

*Kenyataan media oleh S.Piarapakaran (gambar kiri) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).

JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club

on Facebook



You like this. · Admin

6,005 people like Merdeka Review BM Fans Club. 6,004 people like Merdeka Review BM Fans Club.



[Facebook social plugin](#)

[CARI DiY Day Banner](#)

[Advertise here \(RM10/day\)](#)

[Advertise here \(RM10/day\)](#)

[CARI DiY Day Banner](#)

sebelumnya:

[Sivakumar: Selesaikan masalah tanah SJKT Gunung Rapat](#)

seterusnya:

[MCA menyusun langkahnya ke arah PRU ke-13](#)

[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd -

[Designed by I-Tea Technology](#)

Hosted by [Ipserverone.com](#)